

03/06/2003

Awasi bahan bacaan anak

Nor Afzan Mohamad Yusof

MEMBUDAYAKAN membaca perlu bermula dari rumah. Kata lainnya, ibu dan bapa

bertanggungjawab dalam memupuk semangat mencintai ilmu dalam diri anak masing-masing dan sebaiknya ia dimulakan sejak mula pasangan berkenaan mendirikan rumah tangga.

Memperkenalkan budaya itu dalam diri anak mereka seperti dengan menyediakan perpustakaan kecil di rumah atau membeli bahan bacaan disukai

dapat mendekatkan diri dengan bahan bacaan.

Namun cara itu bukanlah bererti ibu bapa perlu memperuntukkan sejumlah wang yang besar semata-mata untuk mengubahsuai rumah untuk dijadikan perpustakaan tetapi cukup sekadar bersesuaian dengan kemampuan ekonomi masing-masing.

Memperuntukkan masa sekali dalam seminggu dengan mengunjungi perpustakaan atau kedai buku turut mampu menjadikan membaca sebagai sebahagian daripada kegiatan keluarga yang berfaedah, bukan semata-mata bersukan atau keluar makan bersama.

Pentingnya membaca dalam masyarakat sehingga Perdana Menteri, Datuk Seri

Dr Mahathir Mohamad pernah berkata, sesi membaca berkumpulan boleh dijadikan aktiviti untuk mengembangkan tabiat membaca di kalangan masyarakat.

Ini berikutan membaca di kalangan masyarakat negara ini hanya mencatatkan dua lembar setahun. Jumlah yang rendah ini mencetuskan kebimbangan kerana tidak mustahil ia akan kembali ke selebar setahun sekiranya tiada langkah tertentu dijalankan.

Berita Harian baru-baru ini menjalankan tinjauan orang ramai terhadap bagaimana cara mereka membudayakan membaca sebagai sebahagian dari hidup mereka.

Ibu beranak lima, Azizah Mansor, 39, berkata selain mempunyai ruang bacaan di dalam rumah, beliau dan suami turut memperuntukkan masa sekurang-kurangnya dua kali sebulan pergi ke kedai buku dan perpustakaan.

Menjadi guru memberi sedikit kelebihan kepada dirinya yang sentiasa perlu memperluaskan pengetahuan dengan membaca tetapi katanya kesempatan itu turut menjadi sebahagian daripada cara mendidik anak mencintai buku dan ilmu.

"Di rumah saya, tiada bilik yang dikhaskan sebagai bilik bacaan tetapi sekadar ruangan kecil di bawah tangga dan ruang tamu yang menempatkan sedikit buku dan majalah. Saya ingin jadikan membaca itu sesuatu kemestian. Contohnya dalam satu hari mesti membaca sekurang-kurangnya akhbar," katanya ketika ditemui ketika mengunjungi Pesta Buku Antarabangsa, di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Beliau yang membawa bersama lima anak dan tiga anak saudara berusia antara dua hingga 18 tahun ke pesta buku itu pada masa sama turut mengingatkan ibu bapa yang lain supaya mengambil tahu bahan pembacaan anak-anak kerana bukan semua buku di pasaran berkualiti dan membina minda

mereka.

"Menjadi tanggungjawab ibu bapa mengawasi bahan bacaan anak mereka. Walaupun buku ditetapkan pihak sekolah, mereka juga seharusnya turut mengambil peranan mencari buku yang dirasakan perlu dalam pembelajaran anak mereka. Ini kerana ada kecenderungan ibu bapa kini yang menyerahkan semuanya kepada pihak sekolah," katanya.

Sementara itu, remaja Sabrina Hidayah Mohd Salleh, 15, berkata ibu dan bapa perlu bertanggungjawab dalam menanamkan tabiat membaca dalam keluarga dengan membawa ke perpustakaan atau membeli bahan bacaan.

Katanya, golongan remaja memang bebas memilih bahan bacaan mereka sendiri tetapi ibu dan bapa turut perlu mengawasi apa yang dibaca bagi mengelakkan 'kesilapan' memilih bahan bacaan yang tidak baik seperti berunsur lucu dan hiburan semata-mata bagi mengelakkan ia menjadi satu ketagihan.

"Tidak dinafikan ada remaja yang mengambil bahan bacaan sebegini, dan di sinilah peranan ibu bapa memantau dan mengawasi. Tambahan pula terlalu banyak buku dan majalah di pasaran menerbitkan buku sebegini bagi menarik remaja," katanya.

Sementara itu, Zainal Mohd Yasin, 37, berkata selain mempunyai perpustakaan sendiri di rumah, ibu bapa turut perlu menemani anak mereka ke kedai buku atau perpustakaan sebagai salah satu sokongan dan galakan mereka membaca.

Katanya, pada masa sama ibu dan bapa itu sendiri perlu membabitkan dalam aktiviti pembacaan supaya ia dijadikan contoh oleh anak mereka.

"Terdapat segelintir ibu bapa yang hanya menyuruh anak mereka membaca sedangkan dia sendiri tidak membaca. Itulah yang menyebabkan ia menjadi sesuatu yang janggal. Kalau si bapa itu sendiri tidak tahu membaca, tidak salah menyuruh si anak bacakan akhbar, kerana ia sedikit sebanyak membantu anaknya turut sama membaca," katanya.

Sementara itu, laman web Perpustakaan Negara dilaporkan turut menganjurkan pelbagai kegiatan galakan membaca di kalangan masyarakat.

Antara program yang disusun untuk golongan remaja atau dewasa ialah Ceramah Kekeluargaan, Pengucapan Awam, Ceramah Penghayatan Sejarah, Bengkel Keibubapaan, Ceramah Motivasi, seminar, pameran dan sebagainya.

Kegiatan kanak-kanak adalah seperti Sesi Bercerita, Lukisan, Kraf Tangan, Boneka, Teater, Peraduan Mencari Maklumat, Kem Komputer, Peraduan

Ilustrasi Kreatif Buku Cerita, Kuiz, Peraduan Syarahan dan Bengkel Kemahiran Pencarian Maklumat melalui komputer.

Laman itu dipetik kesemua aktiviti berkenaan menggunakan bahan bacaan yang ada di perpustakaan. Cara itu akan dapat merapatkan golongan itu kepada bahan bacaan di samping memupuk sifat gemar membaca di kalangan masyarakat.

Pentingnya membaca dan menimba ilmu turut dibuktikan dengan turunnya perkataan pertama - Iqra yang bermaksud 'bacalah' kepada Nabi Muhammad saw yang membuktikan pembacaan satu suruhan penting dalam mana-mana masyarakat

di dunia ini.

Justeru, marilah kita membaca kerana semakin kita membaca, semakin banyak perkara baru yang didapati dan ilmu itu adalah hak yang kelak mendatangkan banyak manfaat kepada diri kita.